

# Jangan kejam terhadap pembantu rumah


POH 15 Feb. — Kementerian Sumber Manusia meminta para majikan agar jangan bertindak kejam terhadap pembantu rumah mereka bagi mengelakkan imej negara terjejas pada pandangan masyarakat antarabangsa.

Menterinya, Datuk Dr. Fong Chan Onn yang kecewa dengan kejadian mendera pembantu rumah warga asing yang semakin menjadi-jadi sekarang, menegaskan bahawa gejala itu juga jika dibiarkan berterusan akan turut menjejaskan usaha melahirkan masyarakat yang penyayang di negara ini.

Sehubungan itu, beliau merayu kepada semua majikan supaya melayan pembantu rumah mereka dengan baik termasuk menjaga kebajikan mereka kerana mereka juga adalah manusia yang mempunyai perasaan.

"Di pihak kementerian, kami hanya boleh memastikan supaya kebajikan pembantu rumah asing ini sentiasa terbela dan dilindungi sama seperti pekerja tempatan.

"Di samping itu, kita akan mengadakan perbincangan di peringkat kementerian bagi memikir-



DR. Fong Chan Onn ketika melawat mangsa dera, Kusiah Manijan di Hospital Ipoh, semalam.

kan langkah terbaik agar kebajikan pembantu rumah asing ini terjamin dan dilindungi di bawah undang-undang," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat mangsa dera, Kusiah Manijan, 32, di Hospital Ipoh di sini, hari ini.

Dalam kejadian awal pagi semalam, Kusiah mengalami kecederaan parah dan retak tengkorak kepalanya selepas dibelasah

dan dipukul oleh isteri majikannya dengan seketul batu sebesar dua genggam tangan di Taman Canning dekat sini.

Menurut Dr. Fong, pihaknya akan berusaha mengadakan satu program khas sama seperti program gangguan seksual yang sedang dianjurkan oleh kementerian itu sekarang ini.

## Melindungi

"Kita akan menggunakan cara yang serupa bagi melindungi pembantu rumah ini daripada terus didera," jelasnya.

Bagaimanapun untuk tempoh terdekat ini, katanya, pihak kementerian akan berusaha memastikan bayaran pampasan dan insurans diberikan kepada pembantu rumah berkenaan.

"Kita akan menyiasat sama ada majikan atau agensi pekerja asing ada mengambil insurans untuk pembantu rumah berkenaan sebelum ini.

"Di samping itu, kita juga akan siasat sama ada pembantu rumah ini sudah dibayar gajinya selama tiga bulan bekerja dengan majikannya itu," katanya.